

## **'UMŪM AL-BALWĀ: KONSEP, KEDUDUKAN DAN PEMAKAIANNYA DALAM PENENTUAN HUKUM DALAM BIDANG *FIQH* MUAMALAT**

**Atikullah Hj. Abdullah\***

### **Abstract**

*The islamic recognition on the implementation of 'umūm al-balwā concept shows that fiqh is very realistic, responsive and flexible. 'Umūm al-balwā has been widely implemented in determining several hukum (laws) involving several domains in fiqh namely 'ibādah, mu'āmalah, munākahah dan jināyah. This article focuses on the concept and roles played by 'umum al-balwa in muamalah.*

### **Pendahuluan**

*Fiqh* Islam yang bersumberkan dari syariat Allah yang sempurna dan sesuai untuk semua masa dan semua keadaan, mempunyai mekanisme dan prinsip tertentu dalam menilai keadaan dan menetapkan sesuatu hukuman ke atas sesuatu perkara yang berkaitan dengan kepentingan kehidupan manusia. Sesuai dengan tujuan utama syariat Islam sendiri yang diwahyukan untuk menjaga kepentingan manusia dan menolak keburukan ke atas mereka, Islam sangat mengambil berat kesempitan dan kesulitan dalam liku-liku hidup yang terpaksa dilalui oleh manusia. Pemikiran dan penghayatan dalam *fiqh* Islam sepanjang zaman sentiasa berkait rapat dengan realiti hidup manusia, supaya ia tidak menjadi sesuatu yang tidak berpijak di bumi nyata. Dalam kerangka pemikiran inilah persoalan tentang konsep dan kedudukan *'umūm al-balwā* dalam penentuan hukum *fiqh* muncul.

---

\* Pensyarah di Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.

## Definisi ‘*Um ūm al-Balwā*’

### i) Dari Segi Bahasa

Dari segi bahasa ‘*um ūm al-balwā*’ terbina daripada dua perkataan iaitu ‘*um ūm*’ dan ‘*balwā*’. ‘*Um ūm*’ yang terbit dari kata dasar ‘*amma*’ bermaksud meliputi dan menyeluruh. Apabila dikatakan “‘*amm al-maṭār al-bilād*’” maka ia memberi maksud bahawa hujan telah turun dikeseluruhan negeri tersebut.<sup>1</sup> Manakala ‘*al-balwā*’ merupakan kata terbitan dari kata dasar ‘*balā*’, yang sama erti dengan ‘*al-ihktibār*’ iaitu ujian atau dugaan. Selain dari ‘*al-balwā*’, kata terbitan lain dari kata dasar ‘*bala*’ ialah ‘*al-balā’*’, ‘*al-baliyyah*’, ‘*al-bilwah*’ dan ‘*al-bilyah*’.<sup>2</sup> Ini bermakna perkataan ‘*balā’*’ yang sering dikaitkan dalam bahasa Melayu dengan perkataan bencana sebenarnya mempunyai maksud yang lebih luas lagi. Ia bermaksud ujian sama ada dalam bentuk kesenangan ataupun dalam bentuk kesulitan. Ini adalah kerana ujian dari Allah SWT kepada manusia itu kemungkinan datang dalam dua keadaan iaitu ujian dalam bentuk bencana dan kesulitan dan ujian dalam bentuk kemakmuran dan kejayaan. Dalam hal ini Allah SWT menegaskan yang bermaksud

“dan akan kami uji kamu dengan kejahatan dan kebaikan sebagai satu fitnah ...”

Surah al-Anbiyā’ (21):3

### ii) Dari Segi Istilah

Dari segi istilah, terdapat perbezaan antara ‘*fuqahā’*’ dengan ‘*uṣuliyyūn*’. Masing-masing memberi penekanan untuk memahami dan menyesuaikan konsep ini dengan ‘*nature*’ dan tuntutan bidang masing-masing. Para ‘*uṣuliyyūn*’ cuba memahami konsep ‘*um ūm al-balwā*’ selaras dengan ‘*nature*’ bidang ‘*uṣūl al-fiqh*’ dan para ‘*fuqahā’*’ pula memahami konsep ini selaras dengan ‘*nature*’ bidang ‘*fiqh*’. Beberapa contoh takrif ini akan dibawa di bawah:-

<sup>1</sup> Lihat umpamanya Ibn Manzūr (t.t.), *Lisān al-‘Arab*, j.15. Kaherah: al-Mu’assasah al-Misriyyah, h.321; al-Fuyūmī (1978), *al-Miṣbāh al-Munīr*, j.2, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h.513.

<sup>2</sup> Ibn Manzūr (t.t.), *Op.cit.*, jld.18. h.90; al-Fuyūmī (1978), *Op.cit.*, j.1, h.78.

Perbincangan tentang 'umūm al-balwā di kalangan uşūliyyūn sebahagian besarnya berlegar di sekitar kedudukan "khabar al-wāhid fī mā ta'ummu bihi al-balwā". Terdapat beberapa hala tuju yang berbeza dalam perbincangan tentang isu ini. Pertama, adakah hadis yang diriwayatkan secara aḥad tentang satu perkara yang begitu umum dan hukumnya juga patut diketahui oleh umum boleh dijadikan dalil yang sah?. Perbincangan di kalangan uşūliyyūn tentang perkara ini tidak akan disoroti dalam artikel ini kerana ia bidang yang agak berbeza. Hala tuju kedua ialah apakah yang dimaksudkan dengan fī mā ta'ummu bihī al-balwā itu sendiri?. Dalam hal ini beberapa fuqahā' telah menjawab seperti berikut:-<sup>3</sup>

- i- al-Ṭūfī dalam kitabnya *Sharḥ Mukhtaṣar al-Rawḍah* dan al-San'ānī dalam *Ijābat al-Sā'il*, berpendapat bahawa yang dimaksudkan ialah bebanan (*taklīf*) kewajibannya itu terpikul atas semua mukallaf atau sebahagian besar dari mereka.
- ii- al-Isfariyini dalam *al-Baḥr al-Muḥiṭ* berpendapat bahawa ia bermaksud bahawa semua mukallaf berhajat atau perlu mengetahui hukum perkara itu untuk beramal dengannya kerana ia menjadi *taklīf* ke atas mereka sama ada untuk membuatnya atau meninggalkannya.
- iii- Dalam *al-Tahrīr*, al-Kamal Ibn al-Humām menyatakan maksudnya ialah setiap mukallaf sangat perlukannya (iaitu perlu untuk mengetahui hukumnya) dan perkara tersebut pula sering berlaku berulang kali secara menyeluruh.
- iv- Ahmad Mahmud al-Syanqīṭī pula dalam kitabnya *Khabar al-Wāhid wa Ḥujjiyyatuh* berpendapat bahawa ia bermaksud apa (hukum) yang sangat penting untuk diketahui oleh setiap mukallaf dan dengan itu timbullah banyak pertanyaan tentangnya secara berulang kali dan pada kebiasaannya keadaan ini menjadikan hukum itu tersebar secara *mutawātir*.

Berdasarkan kepada penjelasan beberapa uşūliyyūn di atas jelas bahawa yang dimaksudkan dengan mā ta'ummu bihī al-balwā ialah keadaan yang berlaku yang meliputi semua mukallaf atau kebanyakan dari mereka dan ia mempunyai kaitan dengan bebanan *taklīf* ke atas mereka dan dengan itu mereka perlu mengetahui hukumnya yang membawa kepada timbulnya banyak soalan tentang perkara tersebut di kalangan masyarakat.

---

<sup>3</sup> Lihat umpamanya al-Dawsarī (2000), 'Umūm al-Balwā, Riyād: Maktabah al-Rusyd, hh.45,48,53 & 54.

Di kalangan para *fuqaha'* pula, istilah '*umūm al-balwā*' muncul dalam konteks menentukan hukum bagi sesuatu perkara yang berkaitan dengan masalah *furū' fiqhiyyah*. Hal ini agak ketara dalam masalah ibadat dan lebih khusus lagi dalam perbincangan mereka tentang persoalan najis dan bersuci dari najis. Hampir kesemua khazanah *fiqh* Islam silam yang membincangkan persoalan najis yang terkena atau berkaitan dengan manusia akan menyebutkan juga tentang '*umūm al-balwā*' sebagai sandaran bagi hukum kemaafan dari kesan najis tersebut terhadap ibadat atau kesucian tubuh badan dan pakaian. Dalam konteks ini, '*umūm al-balwā*' itu menjadi asas dalam keadaan di mana sesuatu najis itu dirasakan terlalu sukar untuk dielakkan. Selain dari perbincangan tentang najis dan bersuci dari segi *fiqh*, istilah '*umūm al-balwā*' tidak digunakan walaupun pada hakikatnya ia mempunyai asas dan dalil yang sama. Para *fuqaha'* sebaliknya lebih cenderung menggunakan istilah *al-darūrah al-`ammah*, *al-darūrah al-māssah* dan sebagainya.

Bagaimanapun, perbincangan tentang konsep dan kedudukan '*umūm al-balwā*' menjadi semakin mantap dan jelas dengan usaha para ulama kontemporari untuk meletakkan definisi dan perimeter yang jelas tentang apa yang dikatakan '*umūm al-balwā*'. Beberapa contoh usaha para ulama kontemporari dalam hal ini dibentangkan di bawah:-

- i- Wahbah al-Zuhayli mentakrifkan '*umūm al-balwā*' sebagai meratanya *bala'* (ujian dalam bentuk kesusahan) sehingga menjadi terlalu sukar untuk seseorang mengelakkan diri darinya.<sup>4</sup> Takrif yang sama juga diberikan oleh Amir al-Zaybari<sup>5</sup>, 'Umar Abdullah Kamil<sup>6</sup>, Ya'qub 'Abd al-Wahhab al-Bahisin<sup>7</sup> dan lain-lain.
- ii- Saleh al-Yusuf mentakrifkannya sebagai apa yang sangat dihajati oleh manusia

<sup>4</sup> al-Zuhaylī (1997), *Nazariyyāt al-Ḍarūrah al-Syar'īyyah*, Beirut: Mu'assasah al-Risālah, h. 123.

<sup>5</sup> Lihat 'Amīr al-Zaybārī (1994), *al-Taḥrīr Fī Qā'idah al-Masyaqqah Tajlub al-Taysīr*. Beirut: Dār Ibn Hazm, h.82.

<sup>6</sup> Lihat 'Umar Abdullāh al-Kāmil (1999), *al-Rukhṣah al-Syar'īyyah*. Mekah: al-Maktabah al-Makkiyyah, h. 146. Walaupun 'Umar al-Kāmil menyandarkan takrif '*umūm al-Balwā*' dalam tulisannya kepada kitab *al-Ashbah wa al-Nazā'ir* oleh al-Suyūṭī, namun sepanjang penilitian penulis, al-Suyūṭī sendiri dalam kitab tersebut tidak memberi takrifan kepada konsep '*umūm al-balwā*'. Beliau hanya menyebutkan '*umūm al-balwā*' sebagai salah satu dari tujuh sebab *takhfīf*, keringanan dalam ibadat. Beliau seterusnya memberikan contoh-contoh keringanan kerana '*umūm al-balwā*' dalam ibadat dan lainnya. Lihat al-Suyūṭī (1983), *al-Asybah wa al-Nazā'ir*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 77-80.

<sup>7</sup> al-Bahisin (2001), *Raf' al-Ḥaraj*. Riyāḍ: Maktabah al-Rusyd, h.435.

dalam keadaan yang umum dan ia berlaku secara meluas sehingga sukar untuk melepaskan diri darinya melainkan melalui jalan yang sangat payah.

- iii- al-Dawsari menyimpulkan '*umūm al-balwā* sebagai suatu perkara yang berkaitan dengan taklif keatas manusia yang berlaku secara merata sehingga menjadi sukar untuk mengelakkan diri darinya atau tidak melakukannya kecuali melalui kesulitan tambahan yang dengan itu pula membawa kepada keringanan dan dipermudahkan.<sup>8</sup>

Perbincangan secara khusus tentang '*umūm al-balwā* sebagai satu konsep dan kesannya secara menyeluruh dalam pelbagai cabang ilmu *fiqh* tidak pernah dilakukan oleh para *fuqaha*' dan *uṣūliyyūn* silam. Sememangnya para pengkaji khazanah *fiqh* silam akan sering juga terjumpa istilah '*umūm al-balwā* yang seringkali dijadikan sebagai sandaran atau '*illah* bagi sesuatu hukum yang difatwakan oleh seseoraang ulama. Namun istilah ini hanya muncul secara *ad-hoc* dan khusus kepada masalah tersebut sahaja. Itupun huraian secara panjang lebar tentang apakah yang dimaksudkan dengan '*umūm al-balwā* itu tidak dilakukan. Bagaimanapun berdasarkan contoh-contoh pemakaian konsep '*umūm al-balwā* dalam beberapa kes-kes *furū*' *fiqhiyyah* seperti yang tercatat dalam khazanah *fiqh* silam kita dapati para *fuqahā*' mempunyai idea dan pemikiran yang hampir sama dan selaras tentang apakah yang mereka maksudkan dengan '*umūm al-balwā*. Kewujudan idea yang jelas dan selaras ini pula kemudiannya memudahkan para ulama kontemporari untuk menyusun takrif '*umūm al-balwā* dalam bentuk susunan kata atau ayat yang konkrit. Usaha menyusun definisi '*umūm al-balwā* dalam bentuk ayat yang konkrit ini sangat penting kerana ia memudahkan para ulama terkemudiannya untuk memahami konsep '*umūm al-balwā* dan seterusnya mengukur dan menilai setiap kes-kes *furū*' *fiqhiyyah* yang sedang dan akan muncul di masa hadapan berdasarkan kepada perimeter yang tersirat dari konsep dan takrif yang jelas dan menyeluruh tersebut.

### **Kedudukan '*Umūm Al-Balwā* Dalam Al-Quran Dan Hadis**

Tidak ditemui perkataan '*umūm al-balwā* sebagai satu konsep keringanan *fiqh* dalam al-Quran mahupun dalam hadis. Bagaimanapun ini tidaklah bermakna bahawa konsep '*umūm al-balwā* ini tidak diiktiraf oleh kedua-dua sumber tersebut. Hakikatnya ialah para ulama telah menjelaskan bahawa '*umūm al-balwā* merupakan satu dari sebab-sebab *taysīr* atau *takhfīf* atau *rukḥṣah* dalam hal yang berkaitan dengan *fiqh*. al-

---

<sup>8</sup> al-Dawsārī (2000), *Op.cit.* h. 61.

Suyuti umpamanya menyenaraikan 'umūm al-balwā sebagai salah satu dari tujuh sebab yang membawa kepada takhfīf dalam hukum fiqh ibadat dan lainnya. Selain dari 'umūm al-balwā sebab-sebab takhfīf yang lain ialah bermusafir, sakit, paksaan, bahaya dan darurat dan kesusahan(al-'usr).<sup>9</sup>

Terdapat banyak ayat al-Quran dan juga hadis Rasulullah SAW yang menjadi bukti keharusan malah keelokan beramal dengan rukhṣah, takhfīf dan taysīr dalam masalah fiqhiyyah. Antaranya ialah firman Allah yang bermaksud:

*“Allah menghendaki ke atas kamu kesenangan dan Ia tidak menghendaki ke atas kamu kesusahan”*

al-Baqarah (2) :185

Menurut 'Umar Kamil, yang dimaksudkan dengan al-yusr (kemudahan atau kesenangan) ialah perbuatan yang tidak menyusahkan diri dan tiada kesulitan yang melampau sehingga tidak dapat ditunaikan oleh kebanyakan manusia. Manakala yang dimaksudkan dengan al-'usr (kesusahan) pula ialah perbuatan yang membebankan dan membahayakan diri sehingga tidak dapat dilakukan oleh kebanyakan manusia.<sup>10</sup> Pada tempat yang lain Allah SWT berfirman yang bermaksud

*“Allah menghendaki bahawa mempermudah bagi kamu dan dijadikan manusia itu dalam keadaan yang lemah”*

al-Nisa' (4) : 28

Dalam mentafsirkan ayat ini, al-Alūsi menyatakan bahawa ayat ini menjadi dalil kepada menyeluruhnya sifat memberi keringanan dalam pensyariat Islam berdasarkan hakikat bahawa manusia itu lemah menghadapi tipu daya kehidupan dunia.<sup>11</sup> FirmanNya lagi

---

<sup>9</sup> al-Suyūfī (1983), *op.cit.*, hh.77-78. al-Raḥmūnī dalam kajiannya menyebutkan bahawa 'umūm al-balwā ialah salah satu dari sepuluh sebab rukhṣah yang dibenarkan dalam masalah fiqh. Sebab-sebab tersebut ialah ḍarūrah, keperluan (hājah), memperelokkan (taḥṣīn), bermusafir, terlupa, tersilap, jahil, paksaan, kekurangan (al-naqs) dan kesusahan serta 'umūm al-balwā. Lihat al-Raḥmūnī (1992), *al-Rukhas al-Fiqhiyyah*. Tunis: Mu'assasah 'Abd al-Karīm ibn Abdullāh, hh.444-554. Malah 'Umar 'Abd Allāh Kāmil menyenaraikan 14 sebab rukhṣah iaitu ḍarūrah, hājah, bermusafir, sakit, paksaan, ketakutan yang keterlaluan, silap, jahil, lupa atau lalai, kekurangan (al-naqs), kesempitan, 'umūm al-balwā, keraguan (al-waswasah), menggalakkan orang kafir memeluk Islam dan baru memeluk Islam. Lihat 'Umar Kāmil (1999), *Op.cit.* h.117- 155.

<sup>10</sup> *Ibid*, h.54.

<sup>11</sup> *Ibid*, h.55.

yang bermaksud

“Dan Allah tidak menjadikan keatas kamu dalam agama ini daripada kesusahan ...”

al-Hajj :78

Yang dimaksudkan dengan *al-ḥaraj*(kesusahan) dalam ayat ini ialah kesempitan dan kesulitan. Ayat ini bertujuan untuk menjelaskan kelebihan agama ini berbanding agama lain dengan menafikan sifat *al-ḥaraj* padanya dan dengan itu ia menjadi agama yang senang diikuti oleh pengikutnya.<sup>12</sup>

Selain dari al-Quran, terdapat juga banyak hadis Rasulullah SAW yang menggalakkan beramal dengan *rukhsah* dan *taysir*. al-Bukhārī umpamanya memperuntukkan satu bab dalam *ṣahīḥnya* khusus membincangkan hadis Rasulullah SAW yang membuktikan bahawa ajaran Islam adalah ajaran yang mudah dan sentiasa mengambilkira keupayaan manusia melaksanakannya. Umpamanya beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud “agama yang paling disukai oleh Allah SWT ialah “*al-ḥanifiyyah al-samḥah*”. Ibn Ḥajar dalam mensyarahkan hadis ini menyebutkan bahawa yang dimaksudkan dengan *al-samḥah* itu ialah mudah atau senang (*al-sahlah*). Begitu juga Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud “sesungguhnya agama ini mudah, dan seseorang tidak menyulitkan agama ini (dengan menyusahkannya dalam beramal) melainkan ia sendiri akhirnya akan tewas ...”. Ibn Ḥajar menyatakan bahawa hadis ini memberi isyarat supaya beramal dengan *rukhsah syar’iyyah* yang dianugerahkan oleh Allah SWT.<sup>13</sup> al-Suyūṭī<sup>14</sup> menyenaraikan banyak hadis tentang perkara ini. Antaranya Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud “tidak diberikan pilihan kepada Rasulullah SAW antara dua perkara melainkan ia memilih yang paling senang antara keduanya selama ia tidak berdosa”<sup>15</sup>, “permudahkan jangan menyusahkan dan gembirakan dan jangan menakutkan”<sup>16</sup> dan “sesungguhnya agama Allah itu mudah”<sup>17</sup>.

---

<sup>12</sup> *Ibid*, h.56. Selain dari tiga ayat yang disebutkan disini, ayat-ayat lain yang memberi faham tentang kewujudan dan pengiktirafan beramal dengan *rukhsah*, *takhfīf* dan *taysir* ini ialah *al-Baqarah*:233, 286; *al-A’raf*:42; *al-An’ām*:152; *al-Mā’idah*:6; *al-Tawbah*:91; *al-Nisā*:171.

<sup>13</sup> al-‘Asqalānī (1987) *Fath al-Bārī*. j.1, Kaherah: Dār al-Rayyān Li al-Turāth, hh. 116-117.

<sup>14</sup> al-Suyūṭī (1983), *Op.cit.* h.76-77.

<sup>15</sup> Lihat umpamanya al-‘Asqalānī (1986), *Op.cit.* Kitāb al-Manaqib, j.6, no.3560, h.653.

<sup>16</sup> *Ibid*, Kitāb al-‘Ilm, j.1, no.69, h.196

<sup>17</sup> *Ibid*, Kitāb al-Īmān, j.1, no.29, h.117

Ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis yang dibentangkan di atas dengan jelas menunjukkan bahawa beramal dengan perkara yang mudah, senang, dan rukhsah adalah dibolehkan malah digalakkan selama ia tidak bercanggah dengan tuntutan nas. Walaupun dalam nas di atas tidak disebutkan perkataan *'umūm al-balwā*, namun oleh kerana ia merupakan salah satu dari sebab *takhfīf* atau *rukhsah* seperti yang telah dijelaskan, maka dengan sendirinya ia termasuk dalam kategori *rukhsah* dan *takhfīf* yang dibenarkan malah digalakkan oleh syarak.

### Faktor-Faktor Munculnya Keadaan *'Umūm Al-Balwā*

Dari contoh-contoh dan takrif *'umūm al-balwā* yang telah dibuat oleh para *fuqaha'* dan *uṣūliyyūn* seperti yang dibincangkan di atas terdapat beberapa ciri atau faktor penting yang menyebabkan wujudnya suasana *'umūm al-balwā* yang boleh mempengaruhi hukum *fiqh*. Antara faktor-faktor tersebut seperti berikut:-

#### *i- Kesukaran untuk mengelak*<sup>18</sup>

Keadaan atau sesuatu perkara yang sukar dielakkan hanya akan membawa kepada wujudnya suasana *'umūm al-balwā* dengan syarat ia mestilah bersifat umum meliputi semua atau sebahagian besar *mukallaḥ* dalam sesuatu keadaan tertentu atau semua keadaan mereka atau bagi seseorang *mukallaḥ* dalam semua keadaannya yang tertentu. Contoh bagi faktor ini ialah tanah dijalan yang dilalui merupakan sesuatu yang tidak dapat dielakkan oleh sesiapa juga. Ia bersifat umum yang terkena kepada semua *mukallaḥ* dalam semua keadaan. Lazimnya juga tanah dijalan itu bercampur juga dengan benda-benda najis seperti najis binatang dan sebagainya. Jika setiap kali tanah tersebut terkena kepada tubuh badan atau pakaian wajib dibasuh maka ini akan menimbulkan keadaan yang sangat sukar. Dengan itu ia dimaafkan atas alasan *'umūm al-balwā*.

#### *ii- Kekerapan yang tinggi*<sup>19</sup>

Keadaan atau sesuatu perkara itu dianggap boleh menimbulkan suasana *'umūm al-balwā* sekiranya ia berlaku dalam kadar kekerapan yang tinggi dan berulang-ulang.

<sup>18</sup> al-Dawsāri (2000), *Op.cit*, h.71; al-Bāhisīn (2001), *Op.cit*. h.435; al-Rahmūnī (1992), *Op.cit*. h.546.

<sup>19</sup> al-Dawsari (2000), *Op.cit*, h.85; al-Bāhisīn (2001), *Op.cit*. h.435; al-Rahmūnī (1992), *Op.cit*. h.547.



Kadar kekerapan yang tinggi menyebabkan timbulnya kesusahan dan kesulitan untuk beramal dengannya atau untuk mengelakkan diri darinya. Contoh yang jelas dalam hal ini ialah sabda Rasulullah SAW seperti yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim dalam bab *jumu'ah* dan *ṭahārah* yang bermaksud “kalaulah tidak (menyebabkan) aku menyusahkan umatku, nescaya aku memerintahkan mereka untuk bersiwak setiap kali sembahyang”<sup>20</sup>. Dalam hadis ini Rasulullah SAW tidak memerintahkan umatnya supaya bersiwak setiap kali menghampiri sembahyang kerana kluatir boleh menimbulkan kesulitan kepada umatnya. Kesulitan ini berpunca dari kadar kekerapan yang tinggi iaitu mereka terpaksa berulang kali bersiwak sehari semalam kerana banyak kali bersembahyang termasuk sembahyang sunat dalam masa sehari semalam.

*iii- Merata dan menyeluruhnya kejadian tersebut*<sup>21</sup>

Faktor ini boleh dikatakan faktor yang paling penting bagi wujudnya keadaan 'umūm al-balwā. Ia bermaksud sesuatu perkara yang asalnya dilarang itu berlaku secara berleluasa dan menyeluruh dan terkena kepada semua *mukallaf* dalam semua keadaan tanpa terkecuali. Contohnya ialah kucing ialah sejenis binatang yang sentiasa hidup di celah-celah kehidupan manusia sama ada ia dipelihara oleh manusia atau sebaliknya. Ia sentiasa cuba berdampingan, bergesel dan mencium malah menjilat tubuh badan atau pakaian serta barang-barang kepunyaan manusia sama ada dibenarkan atau tidak. Keadaan ini adalah pemandangan dan fenomena yang lumrah. Dengan itu jika dikekalkan hukum asalnya iaitu air liur dan bekas jilatan kucing itu najis serta wajib dibasuh maka ia menimbulkan kesulitan. Ini kerana fenomena kewujudan kucing dicelah-celah kehidupan manusia ini adalah fenomena yang merata dan menyeluruh dan kucing pula sememangnya suka mencium dan menjilat apa sahaja yang dijumpainya.

*iv- Banyak dan panjangnya tempoh sesuatu kejadian*<sup>22</sup>

Faktor ini bermakna jika sesuatu kejadian itu berlaku dalam tempoh yang lama dan melibatkan perbuatan yang banyak dalam tempoh yang panjang sehingga sukar bagi *mukallaf* untuk mengelakkan diri maka ia dianggap sebagai faktor yang membawa kepada dalihan 'umūm al-balwā. Contoh yang jelas dalam perkara ini ialah haid dan

---

<sup>20</sup> al-'Asqalānī (1986), *Op.cit.* Kitab al-Jumu'ah, j.2, no.887, h.435

<sup>21</sup> al-Dawsārī (2000), *Op.cit.* h.93; al-Bāhisīn (2001), *Op.cit.* h.436; al-Rahmūnī (1992), *Op.cit.* h.547.

<sup>22</sup> al-Dawsārī (2000), *Op.cit.* h.101; al-Bāhisīn (2001), *Op.cit.* h.436; al-Rahmūnī (1992), *Op.cit.* h.546.

nifas merupakan dua perkara fitrah yang berlaku kepada hampir semua orang perempuan. Dalam keadaan tidak suci ini mereka tidak dibenarkan bersembahyang. Jika disyariatkan bahawa mereka wajib mengqada sembahyang yang luput semasa tempoh haid atau nifas maka ia akan menimbulkan kesulitan yang melampau kepada golongan wanita kerana nifas biasanya berlaku dalam tempoh yang panjang dan haid pula berlaku setiap bulan. Ini bermakna mereka terpaksa melakukan jumlah sembahyang qada yang sangat banyak. Maka dengan itu mereka tidak diperintahkan untuk mengqada sembahyang yang luput dalam tempoh tersebut atas dalihan "*umūm al-balwā*" yang timbul ekoran dari tempoh kejadian yang panjang di samping jumlah waktu sembahyang yang sangat banyak.

v- *Kecil dan remehnya sesuatu*<sup>23</sup>

Sesuatu perkara atau keadaan yang terlalu lecil dan remeh sehingga menjadi sukar dielakkan atau dalam kes lain sukar pula untuk ditinggalkan maka ia turut juga menjadi faktor bagi wujudnya keadaan '*umūm al-balwa*'. Contoh yang baik dalam hal ini ialah darah nyamuk atau sedikit asap atau wap dari pembakaran bahan najis atau sedikit percikan air kencing yang umpama sebesar kepala jarum yang terkena pada tubuh badan atau pakaian. Najis-najis ini dengan kadar yang disebutkan dianggap sangat sedikit dan terlalu remeh di samping ia sukar untuk dielakkan. Maka dalam keadaan ini ia dianggap sebagai faktor yang menarik kepada wujudnya dalihan '*umūm al-balwā*' dalam persoalan fiqh.

vi- *Kemerbahayaan*<sup>24</sup>

Dimaksudkan dengan kemerbahayaan atau *al-darar* sebagai salah satu faktor yang menimbulkan '*umūm al-balwā*' ialah satu perkara atau keadaan yang merbahaya secara umumnya jika mereka meninggalkannya atau mereka melakukannya. Oleh itu untuk mengelakkan kemerbahayaan dan kesulitan ini, manusia terpaksa melakukannya atau dalam kes yang lain mereka terpaksa meninggalkannya. Contohnya ialah mengekalkan

---

<sup>23</sup> al-Dawsārī (2000), *Op.cit.* h.109; al-Bāhisīn (2001), *Op.cit.* h.436; al-Rahmūnī (1992), *Op.cit.* h.546.

<sup>24</sup> al-Dawsārī (2000), *Op.cit.* h.71; al-Bāhisīn (2001), *Op.cit.* h.435; al-Rahmūnī (1992), *Op.cit.* h.546.

hubungan suami isteri dalam keadaan pertelingkahan yang tiada titik pertemuannya merupakan sesuatu yang merbahaya kepada pasangan tersebut. Dalam hal ini, walaupun perceraian itu tidak digalakkan oleh Islam, namun ia lebih baik untuk mengelakkan bahaya dan kesusahan kepada pasangan.

### *vii-Darūrah*<sup>25</sup>

*Al-Darūrah* ialah satu keadaan yang terdesak yang membolehkan seseorang melakukan perkara yang dilarang atau seseorang yang berada dalam keadaan di mana jika ia tidak melakukan perkara yang dilarang, nescaya ia akan musnah atau hampir musnah.<sup>26</sup> Menurut Wahbah al-Zuhayli, *darūrah* ialah tertimpa ke atas manusia satu keadaan yang sangat merbahaya atau sangat menyulitkan yang memungkin berlakunya bencana atau penderitaan ke atas diri atau anggota, kehormatan, akal dan harta yang membolehkannya dengan itu melakukan perkara yang dilarang, meninggalkan kewajipan atau menangguhkannya untuk mengelakkan kemudaratan yang besar kemungkinan akan berlaku.<sup>27</sup> Dalam konteks kaitannya dengan *'umūm al-balwā*, *darūrah* merupakan faktor kepada *'umūm al-balwā* sekiranya seseorang membuat atau dalam kes lain terpaksa meninggalkan sesuatu untuk mengelak dari ditimpa musibah atau bencana. Contohnya setiap *mukallaf* dilarang mendedahkan auratnya sama sekali. Namun begitu jika ia ditimpa kesakitan dan perlu dirawat oleh doktor untuk mengubatinya maka ia dibolehkan membuka aurat sekadar untuk tujuan yang tersebut.

Walaupun *darūrah* kebiasaannya berdiri sendiri sebagai sebab bagi *rukḥṣah*, namun ia juga menjadi sebab bagi *'umūm al-balwā* sekiranya keadaan *darūrah* itu terkena ke atas seluruh *mukallaf* dalam keseluruhan keadaan, terkena ke atas semua *mukallaf* dalam satu keadaan yang tertentu atau *darūrah* itu terkena secara menyeluruh ke atas seorang individu *mukallaf* sahaja. Dalam semua keadaan ini *darūrah* dianggap sebagai *'umūm al-balwā* atau faktornya kerana ia menyeluruh dan merata sama ada dari segi bilangan *mukallaf* yang terkena atau keluasan ruang suasana *darūrah* tersebut.

---

<sup>25</sup> al-Dawsārī (2000), *Op.cit.* h.127; al-Bāhisīn (2001), *Op.cit.* h.436; al-Rahmūnī (1992), *Op.cit.* h.547.

<sup>26</sup> 'Umar Kamil (1999), *Op.cit.* h. 117.

<sup>27</sup> al-Zuhaylī (1989), *Nazariyyāt al-Darūrah al-Syar'iyah*, Damsyiq: Dār al-Fikr, hh.67-68.

## Hubungan 'Umūm Al-Balwā Dengan Beberapa Kaedah Fiqhiyyah Yang Berkaitan

Seperti yang telah dijelaskan bahawa 'umūm al-balwā merupakan satu daripada faktor yang membolehkan seseorang beramal dengan *rukhsah* mengikut hukum *fiqh*. Dalam ilmu perundangan Islam terdapat banyak teori-teori *fiqh* yang telah dihasilkan oleh para ulama silam hasil dari penelitian mereka terhadap *nature* hukum *fiqh* dan kaedah penentuannya semenjak zaman Rasulullah SAW lagi. Teori-teori ini telah diterima umum dan dianggap sebagai doktrin-doktrin penting yang mesti dikuasai oleh para *fuqaha*' kemudiannya dalam usaha mereka memahami hukum Islam. Ia juga mestilah dihayati sebagai garis panduan yang penting untuk diikuti dalam proses penentuan hukum baru. Di antara doktrin ini terdapat sebahagiannya yang sangat berkaitan dengan kedudukan 'umūm al-balwā sebagai faktor untuk beramal dengan *rukhsah*. Antaranya ialah:

- i- Kesukaran membawa kepada kemudahan
- ii- Kemerbahayaan itu dihilangkan
- iii- Adat kebiasaan menjadi hukum.

### Kesukaran (*Masyaqqah*) Membawa Kepada Kemudahan

Teori ini menegaskan bahawa jika seseorang berada dalam suasana yang sukar untuk membuat sesuatu yang diperintahkan atau sukar meninggalkan sesuatu yang dilarang, maka ia diberikan pilihan untuk membuat sesuatu yang diperintahkan itu dengan cara yang mudah dilakukannya atau meninggalkan larangan itu sekadar yang mampu ditinggalkannya. Bagaimanapun konsep dan penentuan *masyaqqah* itu sendiri bukanlah ibarat cek kosong yang terbuka kepada semua *mukallaf* untuk menentukan secara sewenang-wenangnya. Terdapat beberapa syarat dan garis panduan yang mesti diperhatikan sebelum suasana *masyaqqah* tersebut dikira wujud atau sebaliknya. Dalam hal ini para *fuqaha*' berpendapat bahawa 'umūm al-balwā merupakan salah satu syarat wujudnya suasana *masyaqqah* tersebut. Ini bermakna dalam melakukan sesuatu perintah yang bersifat suruhan atau larangan, berlaku keadaan di mana wujudnya unsur-unsur yang mecacatkan perlaksanaan perintah tersebut. Unsur-unsur berkenaan juga wujud secara berleluasa dan menyeluruh. Oleh itu ia memberi kesan dan pengaruh dari segi *fiqh* terhadap kaedah bagaimana suruhan dan larangan tersebut dilakukan dan sejauh mana pula perlaksanaannya ditunaikan. Contohnya dalam melaksanakan perintah menjaga tubuh badan dan pakaian dari najis ketika hendak bersembahyang. Seseorang tidak dapat mengelak dari terkena percikan selut di jalanan. Maka dalam

hal ini kewajiban menjaga diri dari kotoran itu diringankan kepada individu tersebut.

Dari perbincangan ini jelaslah bahawa *'umūm al-balwā* merupakan suasana yang meletakkan seseorang dalam situasi *masyaqqah*. Dari beberapa kes kemaafan dan kelonggaran hukum dalam masalah *furū' fiqhiyyah* seperti yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW, para sahabat dan ulama sebelumnya, para ulama terkemudian telah menyimpulkan prinsip-prinsip yang sangat menarik iaitu “apabila meluas sesuatu ujian (kesukaran) maka ringan hukumnya” dan “sesuatu perkara itu apabila menjadi sempit maka ia diperluaskan dan apabila luas disempitkan”.<sup>28</sup>

### **Kemberbahayaan Dihilangkan**

Hubungan teori ini dengan *'umūm al-balwā* ialah dalam bentuk sesuatu perbuatan yang pada asalnya diharuskan akan menyebabkan satu keadaan kesusahan atau bahaya yang berpanjangan jika ia dilakukan. Dalam keadaan ini perkara yang asalnya diharuskan akan menjadi haram. Contoh dalam perkara ini ada dinyatakan dalam sebuah hadis Rasulullah SAW seperti yang diriwayatkan oleh Abu Dawūd dalam *bab al-iḍrār* yang bermaksud “janganlah kamu mendatangkan bahaya dalam penggalian”.<sup>29</sup> Menurut ahli tafsir, hadis ini melarang seseorang menggali perigi atau seumpamanya dalam tanah miliknya yang berhampiran dengan perigi seorang yang lain yang akan menyebabkan perigi yang telah sedia wujud itu kekeringan air. Walaupun asalnya menggali perigi dalam tanah milik sendiri adalah diharuskan, tetapi jika ia mendatangkan kemudaratan yang berpanjangan kepada orang lain maka ia merupakan sesuatu yang dilarang. Ini bermakna jika dikekalkan hukum harus, ia mendatangkan masalah *'umūm al-balwā* kepada tuan punya perigi lama tersebut.

### **Adat Menjadi Asas Kepada Hukum**

Sesuatu adat kebiasaan yang telah lama diamalkan secara meluas dalam masyarakat boleh menjadi *'umūm al-balwā*. Dengan itu ia boleh menjadi asas kepada penentuan hukum bagi amalan tersebut. Ini bermakna sesuatu yang telah lama dan diamalkan secara meluas oleh sesuatu masyarakat dan tidak bercanggah dengan nas serta tidak pula mendatangkan apa-apa keburukan kepada ahli masyarakat maka amalan itu boleh diteruskan atas alasan *'urf* dan *'umūm al-balwā*. Ini kerana jika ia diperintah

---

<sup>28</sup> Lihat umpama al-Suyūṭī (1983), *Op.cit.* h. 83; Ibn Nujaym (1980), *al-Ashbāh wa al-Naẓā'ir*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, hh.75-85.

<sup>29</sup> Abu Dāwud (1998), *al-Marāsi*. Bab al-Iḍrār, no.408, Beirut: Mu'assasah al-Risālah, h.295.

untuk ditinggalkan, maka ia boleh mendatangkan masalah yang besar kepada ahli masyarakat tersebut. Contoh dalam hal ini boleh dilihat melalui hadis yang disepakati oleh semua periwayat yang bermaksud “sesiapa yang menjalankan jual beli salaf maka hendaklah ditentukan sukatan yang tertentu, timbangan yang tertentu dan tempoh yang tertentu”.<sup>30</sup>

Para ulama menjelaskan bahawa sebelum kedatangan Rasulullah SAW ke Madinah, para penduduk Madinah telahpun menjalankan perniagaan dalam bentuk *salaf* atau *salam* iaitu harga dibayar dahulu dan barang diserahkan kemudian. Walaupun amalan ini pada asasnya bercanggah dengan prinsip asas jual beli dalam Islam, namun Rasulullah SAW mengiktiraf amalan ini kerana ia telah menjadi satu tradisi dan dianggap sebagai ‘*umūm al-balwā*’ dalam masyarakat tersebut. Jika ia dilarang tentulah ia mendatangkan kesulitan yang tidak sewajarnya kepada masyarakat.

### **Pemakaian ‘*Umūm Al-Balwā* Dalam al-Mu‘āmalāt al-Māliyyah**

Walaupun perbincangan tentang ‘*umūm al-balwā*’ dalam khazanah *fiqh* silam lebih tertumpu kepada bidang ibadat, khususnya dalam masalah bersuci dan mengelakkan diri dari najis, namun ‘*umūm al-balwā*’ sepatutnya diberikan perhatian yang dalam penentuan hukum berhubung bidang mu‘āmalat. Ini kerana, bidang muamalat tidak diperincikan secara halus oleh nas-nas syarak berbanding bidang ibadat. Ia hanya dikawal dan dipandu oleh beberapa prinsip umum selain beberapa huraian khusus dalam jenis-jenis akad tertentu. Dengan itu ruang untuk berkembang dan berubah lebih luas dan banyak bergantung kepada kepentingan, *maṣlahah* dan keperluan manusia. Berdasarkan senario seharusnya ‘*umūm al-balwā*’ diberikan ruang yang lebih dalam bidang mu‘āmalat.

Walaupun bagaimanapun tidak dinafikan bahawa para *fuqaha*’ silam juga bersikap sangat realistik dan fleksibel dalam bidang muamalat. Mereka memberikan pengecualian hukum dalam banyak keadaan yang menuntut kelonggaran dan pengecualian. Cuma ia jarang dikaitkan dengan konsep ‘*umūm al-balwā*’ seperti mana kerap dilakukan dalam masalah ibadat khususnya bersuci dan mengelakkan najis.

Hakikat besarnya peranan ‘*umūm al-balwā*’ dalam hal ini dapat dilihat antara lainnya dengan usaha para *fuqaha*’ memahami dan menerapkan konsep *al-gharar* dengan

---

<sup>30</sup> al-‘Asqalani (1986), *Op.cit.* j.4, no.2240, Kaherah: Dār al-Rayyān li-al Turāth, h.501; al-Shawkanī (t.t.), *Nayl al-Awṭār.* juz.5, j.3, Kaherah: Maktabah Dār al-Turāth, h.226

lebih mendalam dan halus dalam perbincangan mereka. Dengan itu lahirlah pembahagian *al-gharar* kepada dua bahagian iaitu *al-gharar al-mu'aththir* iaitu *gharar* yang mempunyai kesan(undang-undang) dan *al-gharar ghayr al-mu'aththir* atau *gharar* yang tiada kesan (undang-undang). Pembahagian ini timbul atas asas bahawa menjadikan semua jenis dan kadar *gharar* sebagai elemen terlarang dan faktor yang membatalkan atau merosakkan sesuatu akad akhirnya akan meletakkan manusia dalam kesulitan yang menyeluruh.<sup>31</sup> Ini adalah kerana hakikat bahawa kewujudan *gharar* dalam kadar dan bentuk yang berbeza adalah sesuatu yang lumrah dan sukar dielakkan dalam kebanyakan akad muamalat.

Dengan itu perlulah dihadkan hukum larangan *gharar* itu kepada beberapa kes yang benar-benar memberi kesan buruk kepada manusia melainkan ianya sangat ketara dan boleh dielakkan. Dalam hal ini, *gharar* tersebut dikenali sebagai *al-gharar al-mu'aththir*. *al-Gharar al-mu'aththir* ialah *gharar* yang banyak (*al-gharar al-kathīr*), berlaku dalam akad pertukaran (*al-mu'awadāt*) yang wujud pada asal barang yang diakadkan dan tiada keperluan yang mendesak terhadap akad tersebut. *al-Gharar al-Kathīr* mengikut tafsiran al-Bāji ialah *gharar* yang berlaku secara meluas dalam sesuatu jenis akad sehinggakan akad tersebut boleh disifatkan sebagai akad *gharar*. Contohnya kes jual beli anak yang dikandung binatang tanpa menjual ibunya, jual beli buah-buahan atas pokok sebelum terjadi lagi buah tersebut, jual beli yang ditentukan secara membaling batu (*bay' al-husāt*), jual beli yang ditentukan secara sentuhan sahaja (*bay' al-mulāmasah*) jual beli burung yang masih bebas terbang di udara atau ikan yang masih bebas berenang dalam sungai dan lain-lain lagi.

Dalam kes-kes berkenaan jelas sekali bahawa akad-akad tersebut merupakan akad yang ganjil manakala unsur *gharar* pula sangat ketara sehinggakan boleh dikatakan akad-akad tersebut sebagai akad *gharar* yang boleh menimbulkan pelbagai masalah. Selain dari itu yang lebih penting ialah ia bukanlah sesuatu yang berleluasa berlaku dalam masyarakat dan bukanlah sesuatu yang sangat perlu dilakukan oleh masyarakat. Masyarakat boleh mengelakkan diri dari melakukan akad tersebut dengan mudah tanpa mendatangkan apa-apa kesulitan kepada mereka dan mereka masih mempunyai pelbagai cara yang lebih baik untuk dijalankan. Dengan itu akad-akad tersebut dan juga elemen *gharar* yang wujud di dalamnya tidak termasuk dalam konsep '*umūm al-balwā* serta tidak dimaafkan pengharamannya.

*Al-Gharar ghayr al-mu'aththir* pula ialah *gharar* yang kecil (*al-gharar al-yasīr*)

---

<sup>31</sup> al-Darir (1967), *al-Gharar*. Kaherah, h.583.

yang ditakrifkan oleh al-Bājī sebagai *gharar* yang hampir-hampir tidak dapat dielakkan oleh manusia dalam melakukan sesuatu akad atau seperti yang ditakrifkan oleh al-Dasūqī sebagai *gharar* pada kadar yang manusia boleh bertolak ansur kewujudannya.<sup>32</sup> Antara contohnya ialah *gharar* yang wujud dalam jual beli barang makanan dalam tin, jual beli kacang yang masih dalam kulitnya, sewa memasuki bilik air, akad sewa rumah berdasarkan bulan, jual beli rumah tanpa melihat tapak pembinaannya dan sebagainya.

Jenis-jenis akad yang disebutkan di atas kesemuanya mengandungi elemen *gharar*. Penjual dan pembeli dalam kes jual beli makanan dalam tin dan kacang yang masih dalam kulitnya tidak mengetahui keadaan makanan dan isi kacang tersebut sama ada masih baik atau telah rosak. Begitu juga tuan punya bilik air dan penyewa tidak mengetahui kadar air yang akan digunakannya. Penyewa rumah berdasarkan bulan juga tidak menentukan jumlah hari sedangkan jumlah hari tidak sama dalam sebulan dari 28, 29, 30 dan 31 hari dan pembeli rumah tidak mengetahui keadaan tapak yang dibina rumah yang akan dibelinya. Bagaimanapun memandangkan elemen *gharar* dalam kes-kes berkenaan merupakan sesuatu yang agak remeh dan sukar dielakkan maka elemen *gharar* tersebut dimaafkan. al-Nawāwī menyebut:

“... apabila hajat manusia menuntut supaya terlibat dalam *gharar* dan mereka tidak dapat mengelakkan diri darinya melainkan terpaksa menempuh *masyaqqah*, ataupun jika *gharar* itu kecil/remeh (*haqir*) maka jual beli (yang ada dalamnya unsur *gharar* tersebut) menjadi harus dan jika tidak, maka tidak (harus)”.<sup>33</sup>

Dalam hal ini jelas bahawa al-Nawāwī menjadikan asas kepada hukum keharusan *gharar* ialah kesukaran untuk mengelakkan diri dan juga kadar *gharar* itu sendiri yang sedikit. Ini jelas sekali menepati syarat-syarat bagi wujudnya kemaafan hukum berdasarkan ‘*umūm al-balwā*’ seperti yang telah dibincangkan sebelum ini. Dengan itu, walaupun al-Nawāwī sendiri tidak menyatakan begitu, namun boleh difahami dengan jelas bahawa ‘*umūm al-balwā*’ menjadi faktor utama dalam pengecualian dan kelonggaran hukum larangan *gharar* dalam kes yang dibincangkan di atas.

Selain daripada masalah *gharar*, peranan ‘*umūm al-balwā*’ juga boleh dilihat dalam perbincangan ulama tentang masalah jual beli secara unjuk-berunjuk (*al-bay‘ bi al-mu‘ātat*)<sup>34</sup> iaitu pembeli membayar harga dan penjual menyerahkan barang tanpa

<sup>32</sup> *Ibid.*, h.590; Daradakah (t.t.), *Nazariyyāt al-Gharar*. juz.1, Amman, h.99.

<sup>33</sup> al-Nawāwī (t.t.), *al-Majmu‘*. vol.9, Damsyiq: Dar al-Fikr, h.258.

<sup>34</sup> *al-Majallah al-Aḥkām al-‘Adliyyah* menyebut jual beli secara ini sebagai *bay‘ al-ta‘ati*. Lihat al-Zuhayli (1989), *al-Fiqh al-Islāmī* juz.4, Damsyiq: Dār al-Fikr, h.99.



dilafazkan ucapan *ijāb* dan *qabul*. Dalam masalah ini secara umumnya para *fuqahā'* terpecah kepada empat pandangan iaitu pandangan yang membolehkannya secara mutlak apabila ia telah menjadi kebiasaan masyarakat, tidak membolehkan secara mutlak, membolehkan dalam jual beli barang-barang kecil, murah dan dilakukan secara kerap atau harian dan membolehkan unjuk-berunjuk apabila ia jelas menunjukkan tanda keredaan kedua belah pihak sama ada dalam perkara yang telah menjadi adat kebiasaan manusia atau sebaliknya.<sup>35</sup> Walaupun pandangan yang tidak membolehkan jual beli secara *mu'ātat* ini datang dari Imam al-Syāfi' sendiri, namun kebanyakan ulama *al-Syāfi'iyyah* selepasnya seperti al-Nawāwī, al-Baghāwī, al-Mutawallī berpendapat bahawa jual beli secara *mu'ātat* ini sah dilakukan kerana secara *'urfnya* dianggap oleh masyarakat sebagai jual beli. Manakala sesetengah ulama *al-Syāfi'iyyah* yang lain pula seperti Ibn Surayj dan al-Rawyāni berpendapat bahawa *al-mu'āṭāt* hanya tidak boleh dilakukan dalam jual beli barang-barang mahal dan jarang dilakukan dalam kehidupan seharian seperti jual beli tanah, rumah, kereta dan sebagainya. Adapun dalam jual beli barangan murah yang dilakukan secara kerap maka ia dimaafkan atas asas antara lainnya *'umūm al-balwā*.<sup>36</sup> Ini adalah kerana mewajibkan lafaz *ijāb* dan *qabūl* ke atas setiap individu yang terlibat dalam jual beli barangan seharian akan menyebabkan kesulitan kerana akan berlaku secara berulang-ulang oleh hampir semua manusia. Sedangkan amalan unjuk-berunjuk ini telah lama dilakukan oleh manusia dalam jual beli barangan yang murah dan kerap serta ia telah diterima pada adat manusia sebagai bukti kepada keredaan kedua belah pihak selain ia tidak menimbulkan sebarang masalah.

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, faktor kekerapan yang tinggi dan adat atau *'urf* yang telah diterima baik oleh manusia merupakan antara faktor penting yang boleh menjadi asas kepada pengecualian atau kemaafan dari hukum asal berdasarkan *'umūm al-balwā*. Malah bagi ulama dalam mazhab Hanafī, Maliki dan Hanbalī jual beli secara ini tetap sah walaupun melibatkan barangan yang mahal dan jarang dibeli. Antara lain, hujah mereka ialah *'umūm al-balwā*. Dalam hal ini, Ibn Qudāmah, ulama besar dalam mazhab Hanbalī menyebutkan:

“... dan tidak diceritakan dari nabi s.a.w dan para sahabatnya (tentang) penggunaan lafaz *ijab* dan *qabul* sekalipun banyak sekali berlaku aktiviti jual beli dikalangan mereka. Jika mereka menggunakannya dalam jual beli mereka tentulah diriwayatkan kepada kita secara meluas dan jika

<sup>35</sup> Shalabī (1985), *al-Madkhal*, Beirut: Dār al-Nahḍah al-'Arabiyyah, h. 448; Nukhbah (2003), *Buhūth Fī al-Bay'*, Kaherah, h. 12; al-Zuhayli (1989), *Op.cit.* juz.4, h.100-101.

<sup>36</sup> al-Zuhayli (1989), *op.cit.* h. 101; Syalabī (1985), *Op.cit.* h.448.

*ia adalah sesuatu yang disyorkan nescaya wajiblah diceritakan kepada kita tentang hal tersebut. Tidak tergambar dalam pemikiran kita bahawa mereka lalai dari menceritakan kepada kita (tentang hal ini, jika ia wajib) dan juga kerana jual beli merupakan suatu 'umum al-balwa, jika disyorkan lafaz ijab dan qabul nescaya Rasulullah SAW menjelaskan hal itu secara umum dan tidak menyembunyikan hukumnya kerana ia membawa kepada berlakunya aqad yang fasid atau membawa kepada memakan harta secara batil. (Namun hakikatnya) tidak diceritakan hal yang tersebut dari Nabi SAW atau mana-mana sahabatnya (Selain itu) manusia telah lama menjalankan jual beli secara unjuk berunjuk di pasar mereka dan tiada diceritakan penolakan mereka terhadap amalan tersebut, maka dengan itu (jelaslah) tidak disyorkan pada sighth itu bahawa ia diucapkan dengan perkataan".<sup>37</sup>*

Dari perbincangan tentang jual beli secara *mu'ātat* ini, para ulama memberikan tiga asas untuk menyokong pandangan yang mengesahkannya. Pertama, tidak sabit dari Rasulullah SAW bahawa baginda berlafaz dengan *ijāb* dan *qabūl* dalam berjual beli. Kedua, ia telah menjadi *uruf* yang telah diterima baik oleh manusia dan tidak timbulkan apa-apa keburukan kepada mereka. Ketiga, jika diwajibkan berlafaz dengan *ijāb* dan *qabūl* khususnya dalam barangan seharian maka ia akan menimbulkan kesulitan kerana kadar kekerapannya yang tinggi. Asas kedua dan ketiga sangat menepati keadaan yang boleh menimbulkan pengecualian atau kemaafan hukum asal berdasarkan *'umūm al-balwā* seperti yang telah dibincangkan sebelum ini.

Dalam konteks sistem kewangan Islam hari ini, penggunaan konsep *'umūm al-balwā* agak popular khususnya di Malaysia. Dalam masalah pelaburan saham, apabila melibatkan percampuran antara unsur halal dengan haram dalam sesuatu sekuriti, maka akan timbul isu sekuriti *syubhah*. Dalam menilai sekuriti *syubhah* ini, Majlis Perunding Syariah (MPS) yang dilantik dalam Suruhanjaya Sekuriti mempunyai satu garis pemisah yang menjadi penentu dalam menentukan halal atau haramnya sesuatu sekuriti. Jika unsur haram dalam sesuatu sekuriti berada pada paras 5% atau ke bawah<sup>38</sup>, maka sekuriti tersebut akan tetap dianggap sebagai sekuriti halal. Dengan itu para pembeli sekuriti khususnya para pengurus dana berteraskan Islam dibenarkan membeli saham atau sekuriti tersebut.

<sup>37</sup> Nukhbah (2003), *op.cit.* hh.12-14.

<sup>38</sup> Bagaimanapun penulis difahamkan bahawa ini bukanlah kadar yang muktamad kerana ia bergantung kepada penilaian MPS tersebut. Ia mungkin berubah-ubah dari semasa ke semasa mengikut *maṣlahah* dan pertimbangan tertentu MPS.

Antara asas yang digunakan bagi menghalalkan saham yang mempunyai unsur haram di bawah tahap 5% ini ialah *'umūm al-balwā*. Hujahnya ialah dalam konteks hari ini, adalah amat sukar untuk mengelakkan diri dari terpalit dengan unsur-unsur haram sama sekali kerana ia telah hampir merata dalam semua aktiviti dan persekitaran ekonomi negara. Jika sesuatu sekuriti itu dianggap haram hanya kerana sedikit unsur haram maka ini akan meletakkan umat Islam dalam situasi yang amat sukar dan boleh menyebabkan syarikat-syarikat besar malah ekonomi negara berada dalam tangan orang bukan Islam. Keburukannya adalah lebih besar dari keburukan sejumlah kecil unsur haram yang wujud itu.

Secara umumnya bolehlah dikatakan bahawa dalam hal ini *'umūm al-balwā* timbul dari tiga asas. Pertama ialah pandangan bahawa kadar 5% unsur haram dalam saham sesuatu syarikat merupakan kadar yang sangat kecil/remeh (*haqīr*). Kedua ialah dalam suasana ekonomi hari ini yang didominasi oleh sistem ekonomi kapitalis berteraskan riba, unsur haram merupakan elemen yang meluas dan merata sehingga menjadi sukar untuk mengelakkan diri dari terlibat secara mutlak. Ketiga ialah *darūrah* dan keperluan untuk mengelakkan bahaya dan keburukan ke atas umat Islam dalam negara ini khususnya dalam bidang ekonomi. Ketiga-tiga asas ini menepati syarat-syarat kemaafan dan kelonggaran hukum asal berasaskan konsep *'umūm al-balwā*. al-Rahmūnī dalam membincangkan tentang hukum *rukhsah* yang timbul dari faktor kesulitan dan *'umūm al-balwā* menyebut satu keadaan yang berkaitan penjagaan kepentingan politik dan ekonomi umat Islam. Katanya,

*“apabila perkara haram berleluasa dalam sesebuah negeri sehinggakan tiada lagi perkara yang halal maka haruslah menggunakan perkara yang haram tersebut sekadar tuntutan keperluan. Kelonggaran hukum itu tidak hanya bergantung kepada keadaan darurat bahkan ia boleh melampaui sehingga kepada kes hajiyyat ‘āmmah, kerana maṣlahah ‘āmmah itu setaraf dengan darurat khassah dan juga kerana membataskan hukum rukhsah itu pada ketika darurat sahaja akan membawa kepada hilangnya pekerjaan dan perindustrian dan lain-lain mekanisme yang memelihara kepentingan masyarakat Islam dan memperkuat kedudukan mereka. Apabila berlakunya hal ini maka masyarakat Islam akan menjadi lemah dan orang kafir pula akan menguasai (kehidupan politik dan ekonomi) dalam negara umat Islam sendiri.”<sup>39</sup>*

---

<sup>39</sup> al-Rahmūnī (1992), *Op.cit.* h.551.

Bagaimanapun, adalah penting untuk disebutkan bahawa kelonggaran dan kemaafan berasaskan konsep '*umūm al-balwā*' ini hanya terpakai selama mana ketiga-tiga asas tersebut wujud dan tidak dapat dielakkan. Jika ketiga-tiga keadaan di atas dapat dielakkan maka hukum kelonggaran dan kemaafan tersebut tidak lagi wujud dan ia akan kembali kepada hukum asal. Meskipun begitu adalah menjadi tanggungjawab umat Islam untuk berusaha mengatasinya terlebih dahulu.

## Penutup

Dari perbincangan di atas jelas sekali bahawa walaupun konsep '*umūm al-balwā*' tidak dinyatakan secara jelas oleh para *fuqaha*' silam, namun berdasarkan perbincangan mereka dalam banyak kes *furū*' *fiqhiyyah*, kita dapat memahami pemikiran mereka dalam menentukan pengertian, perimeter dan peranan konsep ini. Nyata sekali bahawa '*umūm al-balwā*' merupakan satu dari konsep dalam ilmu *fiqh* yang sentiasa diambilkira oleh para *fuqaha*'. Walaupun ia pada awalnya dilihat lebih ketara dalam bidang ibadat, namun ia juga sangat berperanan dalam penentuan hukum muamalat. Walauabagaimanapun ianya tidak dinyatakan secara jelas sebagaimana dalam bidang ibadat. Dalam konteks perlaksanaan muamalat Islam hari ini, kedudukannya juga jelas diberikan perhatian penting. Hal ini jika dilakukan secara teliti dan cermat sememangnya mempunyai kewajaran supaya umat Islam bukan sahaja tidak terkebelakang berbanding bukan Islam khususnya dalam bidang ekonomi, tetapi yang lebih penting mereka sentiasa dapat menjalankan aktiviti muamalat dalam lingkungan dan perimeter yang dibenarkan oleh syariah.